

19/03/2000

Perwakilan tolak pencalonan Ku Li

Lichong Angkui; Zulkofli Jamaludin; Ismail Mat

KUALA LUMPUR: Percubaan perwakilan Umno bahagian Bakri dan Beaufort mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno gagal apabila perwakilan menolak pencalonan nama beliau.

Sebaliknya, kedua-dua bahagian itu mencalonkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden.

Di bahagian Bakri, Abdullah dipilih bertanding jawatan Timbalan Presiden selepas mendapat 181 undi manakala Tengku Razaleigh hanya memperoleh 148 undi.

Di bahagian Beaufort pula, usaha mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu ditolak apabila perwakilan secara angkat tangan menyokong usul supaya Ketua Bahagian, Datuk Lajim Ukin, yang mengandungi nama Abdullah sebagai calon Timbalan Presiden.

Sabtu lalu, perwakilan dua bahagian iaitu Kuala Krai dan Padang Terap cuba mencalonkan Tengku Razaleigh tetapi gagal apabila perwakilan sebulat suara menolak pencalonan nama beliau.

Di MUAR Usaha mencalonkan Tengku Razaleigh bertanding Timbalan Presiden pada pemilihan Mei ini pada Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Bakri, di sini semalam, gagal apabila tewas dalam pengundian.

Ketika pencalonan dibuka, Ketua Umno Bahagian Bakri, Datuk Mazlan Abu, mengemukakan satu senarai pencalonan dengan menamakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden.

Senarai Mazlan turut menamakan Abdullah sebagai Timbalan Presiden, manakala Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Tan Sri Mohd Isa Samad sebagai calon naib presiden.

Senarai pencalonan itu disokong Ketua Pemuda Umno Bakri, Saipolbahari Suib. Kemudiannya, perwakilan dari Cawangan Sungai Abong, Hassan Ghani, mengemukakan pencalonan kedua. Beliau menamakan Dr Mahathir sebagai Presiden.

Selanjutnya, Hassan menamakan Razaleigh sebagai Timbalan Presiden, manakala Naib Presidennya terdiri daripada Abdul Ghani, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Pencalonan itu disokong perwakilan Cawangan Batu Enam Bakri, Kassim Manaf.

Selepas pencalonan ditutup, pencalonan Dr Mahathir untuk jawatan Presiden diterima sebulat suara, manakala pengundian secara berpasukan dilakukan terhadap calon untuk jawatan Timbalan Presiden dan Naib Presiden.

Seramai 395 perwakilan yang hadir kemudiannya diminta mengundi memilih senarai yang dikemukakan Mazlan atau Hassan secara berdiri ketika pengundian dijalankan dengan pengawasan Umno Bahagian Tebrau selaku pemerhati.

Hasil pengundian, senarai pencalonan Abdullah sebagai Timbalan Presiden mendapat 181 undi, manakala pencalonan Tengku Razaleigh mendapat 148 undi.

DI BEAUFORT, Mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Beaufort semalam kecoh berikutan satu percubaan mencalonkan Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden.

Kekecohan bermula sejurus usul memberi mandat kepada Lajim menyenaraikan pencalonan bagi jawatankuasa tertinggi parti, dibentang dan disokong oleh perwakilan.

Keseluruhannya perjalanan mesyuarat yang berlangsung di Dewan Pa Musa,

di sini terkawal dan tiada sebarang kejadian tidak diingini berlaku walaupun suasana agak tegang.

Usul memberi mandat kepada Lajim dikemukakan oleh Ahli Parlimen Beaufort, Datuk Anifah Aman dan disokong oleh ahli Umno cawangan Kilang Kelapa Sawit Klias Baru, Rodjit Gador.

Anifah mencadangkan supaya Ketua Bahagian diberi mandat menentukan pencalonan bagi jawatan Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden dan 25 ahli Majlis Tertinggi (MT) selain memilih tujuh perwakilan bahagian ke Kuala Lumpur.

Selepas itu, Pengerusi Tetap, Abdul Malek Unar, mengemukakan usul berkenaan kepada perwakilan dan rata-rata perwakilan menyokongnya dengan cara mengangkat tangan.

Ketika itulah, Naib Ketua Umno Bahagian, Mohd Zahari Mohd Zinin, yang duduk pada barisan hadapan atas pentas bangun dan meminta kebenaran daripada Pengerusi Tetap untuk bercakap.

Pada mulanya permintaan itu tidak dibenarkan, tetapi setelah beberapa ketika Mohd Zahari terus ke alat pembesar suara dan menyokong usul yang dibentangkan, kecuali bagi jawatan Timbalan Presiden.

Sehubungan itu, beliau mengemukakan usul mencalonkan Tengku Razaleigh bagi jawatan Timbalan Presiden, sambil menyatakan bahawa ahli parti perlu diberi kebebasan menentukan kepemimpinan.

Ketika Mohd Zahari berucap, Bendahari Bahagian, Datuk John O T Ghani serta sejumlah perwakilan dalam dewan bangun meminta beliau (Zahari) duduk bagi membolehkan aturan mesyuarat dilaksanakan.

Pengerusi Tetap kemudian mendapatkan sokongan secara angkat tangan dan sebahagian besar perwakilan menyokong usul Anifah supaya Ketua Bahagian diberi mandat menyenaraikan pencalonan.

Abdul Malek kemudian mengisytiharkan bahawa usul Mohd Zahari itu ditolak dan lebih dua pertiga perwakilan menyokong usul dikemukakan Anifah.

Ketika itu, Zahari cuba bangun semula sambil meminta kebenaran untuk berucap, tetapi tidak dibenarkan oleh Pengerusi Tetap.

Berikutan itu, Lajim bangun dan menyenaraikan pencalonan dan ketika itulah Zahari meninggalkan mesyuarat dan beberapa ahli Umno kelihatan mengiringinya keluar dewan.

Umno Bahagian Beaufort adalah antara tiga bahagian di Sabah yang bermesyuarat semalam yang semuanya mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah, masing-masing bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Ketika ditemui kemudian, Lajim bersyukur kerana mesyuarat berjalan lancar dan menyifatkan persetujuan sebulat suara perwakilan terhadap senarai yang dikemukakannya sebagai bukti kematangan perwakilan.

Beliau berkata Umno Beaufort mahukan kesinambungan kepemimpinan sekarang demi survival agama, bangsa dan negara.